
Edisi 1		Isu 1
Volume 1		Issue 1

Disember 2025
December 2025

DALAM MAHKAMAH RENDAH SYARIAH DAERAH SEREMBAN
JARIAH BINTI ABU SAMAH *lwn* RAZALI BIN MOHD SAAD
(NO. KES: 2304-L0105-221-0420)

Hamizan Mohd Nor

Mahkamah Rendah Syariah Daerah Seremban

Follow this and additional works at: <https://altaqrir.usim.edu.my>

Recommended Citation: Jariah binti Abu Samah *lwn* Razali bin Mohd Saad (NO. KES: 2304-L0105-221-0420) (2025) MRS 86 AL-TAQRIR 1. Available at: <https://altaqrir.usim.edu.my/index.php/journal/article/view/19>



FACULTY OF SYARIAH AND LAW
Fakulti Syariah dan Undang-Undang
كلية الشريعة والقانون



DALAM MAHKAMAH RENDAH SYARIAH DAERAH SEREMBAN

JARIAH BINTI ABU SAMAH
lwn
RAZALI BIN MOHD SAAD

NO. KES: 2304-L0105-221-0420

ⁱHamizan Mohd Nor

ⁱMahkamah Rendah Syariah Daerah Seremban

Sinopsis

Plaintif di dalam kes ini telah membuat tuntutan nafkah *'iddah* terhadap Defendan selepas perceraian *talaq* satu *raj'i*. Tuntutan nafkah ini merangkumi perbelanjaan untuk makan minum, perubatan dan kelengkapan diri bagi sepanjang tempoh *'iddah*, tiga bulan. Plaintif menyatakan Defendan mampu membayar dengan pendapatan pencen RM1,000.00 sebulan. Defendan mengakui tidak memberi nafkah *'iddah* tetapi bersetuju membayar nafkah makan minum. Mahkamah telah meneliti tiga isu utama dalam kes ini. Pertama, berkaitan kewajaran jumlah tuntutan Plaintif. Mahkamah mengambil kira kadar perbelanjaan makan minum yang lebih tinggi dari tuntutan kerana mengikut kesuaian perbelanjaan secara umum pada masa kini walaupun Plaintif gagal membuktikan apa-apa keperluan sebenarnya. Isu yang kedua ialah isu skop nafkah *'iddah* iaitu Plaintif memasukkan perbelanjaan perubatan dan kelengkapan diri yang tidak termasuk keperluan asas (makanan, tempat tinggal dan pakaian). Isu ketiga berkaitan kemampuan Defendan yang hanya bergantung kepada pencen berjumlah RM1,000.00. Jumlah pendapatan seperti ini meletakkan Defendan di bawah Pendapatan Garis Kemiskinan Nasional. Mahkamah di dalam kes ini, mengambil kira pandangan ulama yang menetapkan kadar nafkah bagi suami miskin adalah sebanyak satu *mud* makanan, lauk pauk dan pakaian biasa. Mahkamah meluluskan tuntutan nafkah *'iddah* Plaintif hanya untuk makan minum sahaja. Tuntutan bagi perubatan dan kelengkapan diri ditolak.

Pengenalan

- [1] Kes ini adalah tuntutan nafkah *'iddah* yang difailkan oleh Plaintif terhadap Defendan di bawah Seksyen 66 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003.

Latar Belakang Fakta

- [2] Plaintif dan Defendan telah berkahwin pada 27.8.2016 di Bentong, Pahang dan telah bercerai pada 5.1.2023 di Mahkamah Rendah Syariah Daerah Seremban dengan *talaq* satu *raj'i*.
- [3] Plaintif dan Defendan tidak dikurniakan anak.
- [4] Plaintif mendakwa telah menjalani tempoh *'iddah* selama tempoh tiga kali suci mulai daripada 5.1.2023 hingga 5.4.2023.
- [5] Pada 5.4.2023 Plaintif telah memfailkan tuntutan nafkah *'iddah* terhadap Defendan.

- [6] Plaintiff mendakwa Defendan tidak menyediakan nafkah *'iddah* terhadap Plaintiff. Sebaliknya Plaintiff terpaksa menanggung nafkahnya sendiri dengan membelanjakan sebanyak RM500.00 sebulan sepanjang tempoh *'iddah* Plaintiff.
- [7] Butir-butir perbelanjaan dan keperluan Plaintiff sebulan dalam tempoh *'iddah* tersebut adalah:
 - 1. Makan minum RM150.00;
 - 2. Perubatan RM200.00;
 - 3. Kelengkapan Diri RM150.00.
- [8] Plaintiff mendakwa Defendan berkemampuan membayar nafkah *'iddah* Plaintiff memandangkan Defendan merupakan seorang pesara kastam dengan pendapatan pencen sebanyak RM1000.00 sebulan.
- [9] Sehubungan dengan itu Plaintiff memohon mahkamah ini meluluskan tuntutan Plaintiff dengan memerintahkan Defendan membayar nafkah *'iddah* Plaintiff sebanyak RM1500.00 sepanjang tempoh *'iddah* Plaintiff berdasarkan Seksyen 66 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003.
- [10] Defendan pula di dalam Pembelaannya 9.8.2023 mengakui tidak ada memberikan nafkah *'iddah* kepada Plaintiff.
- [11] Walau bagaimanapun Defendan bersetuju untuk membayar nafkah makan minum kepada Plaintiff dalam tempoh *'iddah* tersebut.

Diputuskan

- [12] Setelah Mahkamah mendengar dan meneliti semua kertas kausa, keterangan dan lafaz sumpah *istizhar* Plaintiff, maka Mahkamah memerintahkan seperti berikut:
 - 1. Mahkamah meluluskan tuntutan Plaintiff berdasarkan seksyen Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Sembilan 2003.
 - 2. Mahkamah memerintahkan defendan membayar nafkah *'iddah* kepada Plaintiff sebanyak RM450.00 sepanjang tempoh *'iddah* Plaintiff.
 - 3. Bayaran hendaklah dibuat sebelum atau pada 29.2.2024 dimasukkan ke dalam akaun bank Plaintiff.

Rujukan

Al-Quran

Surah Al-Talaq ayat 6.

Kitab

Al-Husaini, T. A. B. M. (1994). *Kifayah al-akhyar fi hall ghayah al-ikhtisar* (Jil. 2, Cet. 1). Dar al-Khayr.

Al-Asfahani, A. b. a. H. b. A. (1983). *Matn al-ghayah wa al-taqrib (Matn Abi Shuja')* (Cet. 1). 'Alam al-Kutub.

Undang-Undang

Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003.

Enakmen Undang-undang Keterangan (Negeri Sembilan) 2003.

Kes-Kes

Noor Bee lwn Ahmad Sanusi (1978 Jld 1 JH).

Penghakiman Tuan Hamizan Bin Mohd Nor, HMRS

Isu-isu yang Perlu Diputuskan

1. Isu Pertama: Sama ada jumlah tuntutan nafkah 'iddah yang dituntut oleh Plaintiff adalah munasabah?
2. Isu Kedua: Sama ada nafkah perubatan dan kelengkapan diri termasuk dalam nafkah 'iddah?
3. Isu Ketiga: Sama ada Defendan mampu untuk membayar jumlah tuntutan nafkah 'iddah Plaintiff?

Analisis dan Dapatan

Isu Pertama: Sama ada jumlah tuntutan nafkah 'iddah yang dituntut oleh Plaintiff adalah munasabah?

- [13] Plaintiff dalam keterangannya menuntut nafkah 'iddah sebanyak RM1500.00 sepanjang tempoh Iddahnya meliputi:

Jadual 1. Perincian Jumlah Nafkah 'Iddah (di dalam tuntutan Plaintiff)

No.	Perkara	Tuntutan Sebulan	Jumlah Tuntutan
1.	Makan Minum	RM150.00	RM450.00
2.	Perubatan	RM200.00	RM600.00
3.	Kelengkapan Diri	RM150.00	RM450.00
Jumlah		RM500.00	RM1500.00

- [14] Plaintiff telah memfailkan tuntutan ini pada 5.4.2023 iaitu pada hari terakhir 'iddah Plaintiff tersebut di dakwa tamat. Justeru itu pada pandangan mahkamah tuntutan nafkah 'iddah Plaintiff ini adalah merupakan tuntutan nafkah ke belakang. Dalam kata lain, Plaintiff telah menggunakan perbelanjaannya sendiri sepanjang tempoh 'iddah berjalan.

- [15] Sebagai orang yang mendakwa, Mahkamah berpegang kepada prinsip asas keterangan dan pembuktian.

Terjemahan: Keterangan terhadap pihak yang mendakwa dan sumpah pula terhadap orang yang mengingkarinya.

(Muslim, 1991, Hadis no. 1711)

- [16] Di dalam tuntutan ini Plaintiff telah menuntut RM500 sebulan sebagai nafkah Iddahnya. Oleh itu Plaintiff bertanggungjawab untuk membuktikan kepada Mahkamah segala perbelanjaan yang telah dikeluarkan olehnya memandangkan hanya Plaintiff sahaja yang tahu berapakah perbelanjaan yang telah dikeluarkan sepanjang tempoh 'iddah berjalan selaras dengan seksyen 78 Enakmen Undang-undang Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Sembilan) 2003:

Seksyen 78. Beban membuktikan fakta yang diketahui secara khusus.

Apabila mana-mana fakta diketahui secara khusus oleh mana-mana orang, maka beban membuktikan fakta itu terletak padanya.

- [17] Menurut YAA Haji Harussani bin Haji Zakaria, Ketua Hakim Pulau Pinang, ketika memutuskan kes *Noor Bee lwn Ahmad Sanusi* (1978 Jld 1 JH), beliau menyatakan bahawa; “*hak nafkah eddah jika tidak dijelaskan semasa ‘iddah, maka ia menjadi hutang ke atas suami yang menceraikan isterinya, tetapi tempat kediaman jika tidak dituntut semasa dalam tempoh ‘iddah, maka hak itu terluput*”. Pandangan ini juga selaras dengan pendapat Syeikh al-Imam Taqiyuddin Abu Bakr bin Muhammad al-Husaini al-Hishni al-Dimasyqi al-Syafi’i dalam *Kifayat al-Akhyar*, Juz 2, halaman 85.
- [18] Walaupun Plaintiff gagal mengemukakan perbelanjaannya yang sebenar dalam tempoh ‘iddah berjalan, namun mahkamah juga tidak menafikan Plaintiff sememangnya memerlukan perbelanjaan sepanjang tempoh ‘iddah tersebut khususnya dari segi makan minum Plaintiff sepanjang tempoh ‘iddah.
- [19] Jika dilihat kepada tuntutan nafkah ‘iddah untuk makan minum, jumlah tuntutan sebanyak RM150.00 sebulan ini adalah rendah jika dibandingkan dengan kadar perbelanjaan semasa ketika ini. Ini kerana Plaintiff menuntut RM5.00 sahaja untuk kadar satu hari bagi kos makan minumannya terhadap Defendan dalam tempoh ‘iddah tersebut. Kadar ini pada pandangan mahkamah bolehlah diluluskan memandangkan bukan sahaja rendah berbanding dengan adat semasa tetapi juga turut dipersetujui oleh Defendan di dalam pembelaannya.

Isu Kedua: Sama ada nafkah perubatan dan kelengkapan diri termasuk dalam nafkah ‘iddah?

- [20] Prinsip asas dalam hukum Syarak menyatakan bahawa nafkah ‘iddah hanya wajib diberi kepada isteri yang diceraikan secara *talaq raj’i*. Ia merangkumi keperluan asas sahaja seperti makanan, tempat tinggal dan pakaian.
- [21] Bagi perbelanjaan perubatan dan kelengkapan diri pula, mahkamah berpendapat tanggung jawab ini bukanlah menjadi kewajipan Defendan untuk menanggungnya dalam tempoh ‘iddah Plaintiff. Ini kerana nafkah ‘iddah hanya merangkumi keperluan makan minum dan tempat tinggal asas sahaja dan tidak termasuk kos rawatan perubatan atau kelengkapan diri wanita sepertimana nafkah isteri semasa dalam tempoh perkahwinan.
- [22] Terdapat beberapa dalil berkenaan dengan nafkah ‘iddah ini yang boleh dijadikan panduan seperti berikut:

Firman Allah SWT:

Terjemahan: Tempatkanlah mereka (isteri-isteri dalam ‘iddah) di mana kamu tinggal menurut kemampuan kamu.

(Surah al-Talaq, 65:6)

Dalil ini jelas menyatakan kewajipan bekas suami adalah menyediakan nafkah tempat tinggal sahaja terhadap isteri yang diceraikan. Berdasarkan kepada hadis Nabi Muhammad SAW juga:

Terjemahan: Hanya nafkah dan tempat kediaman untuk perempuan yang boleh dirujuk oleh suaminya.

(Riwayat Ahmad dan An-Nasa’i: Hadis No.26074 Musnad Ahmad)

Hadis ini pula memberi maksud perempuan yang diceraikan secara *talaq raj’i* berhak untuk mendapat nafkah makan minum dan tempat kediaman sahaja di dalam tempoh ‘iddahnya.

- [23] Ulama mazhab bersepakat bahawa nafkah '*iddah*' menjadi tanggung jawab bekas suami untuk membayarnya seperti mana dinyatakan di dalam kitab *al-Ghayah wa al-Taqrīb* halaman 34 yang bermaksud:

Terjemahan: Bagi wanita yang diceraikan dan beriddah dengan '*iddah raj'i*' adalah berkewajipan untuk mendapat tempat tinggal dan nafkah.

(Al-Asfahani, 1983, halaman 34)

- [24] Menurut pendapat Mazhab Syafie sebagaimana dihuraikan dalam kitab *Al-Majmu'* oleh Imam Nawawi, keperluan tambahan seperti kos rawatan dan kelengkapan diri bukan merupakan nafkah wajib, kecuali jika terbukti ada perjanjian atau keperluan darurat.
- [25] Di dalam keterangan Plaintiff tiada bukti dikemukakan yang menunjukkan bahawa perbelanjaan kos rawatan dan perubatan benar-benar merupakan keperluan Plaintiff. Tambahan pula tiada sebarang persetujuan atau perjanjian dibuat serta tiada berkait langsung dengan keperluan asas semasa '*iddah*' Plaintiff seperti mengandung yang memerlukan nafkah perubatan.
- [26] Mahkamah juga merujuk kepada Seksyen 72 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003 yang tidak langsung memasukkan kos perubatan atau kelengkapan diri di dalam skop nafkah '*iddah*'.
- [27] Sebaliknya seksyen ini hanya menyatakan nafkah tempat tinggal sahaja kepada perempuan yang diceraikan iaitu mereka berhak tinggal di rumah di mana dia biasa tinggal semasa dia berkahwin selagi suaminya tidak mendapatkan tempat tinggal lain yang sesuai untuknya.
- [28] Berdasarkan kepada autoriti di atas, Mahkamah secara kesimpulannya dalam kes tuntutan Plaintiff ini berpendapat tuntutan Plaintiff ini bagi kos perubatan dan kelengkapan diri tidak mempunyai asas dalam hukum Syarak mahupun peruntukan undang-undang. Kos rawatan perubatan dan kelengkapan diri bukanlah termasuk dalam nafkah '*iddah*' secara automatik melainkan dibuktikan keperluan khas atau sememangnya telah ada perjanjian yang dibuat sebelum ini.
- [29] Tambahan pula keperluan nafkah bagi rawatan perubatan dan kelengkapan diri semasa dalam tempoh perkahwinan suami isteri masih berlangsung amatlah berbeza berbanding ketika dalam '*iddah*' setelah diceraikan.
- [30] Ini kerana asas kewajipan nafkah diberikan kepada isteri taat yang menyerahkan dirinya kepada suaminya. Hal ini sememangnya boleh dicapai ketika pihak-pihak masih lagi suami isteri.
- [31] Walau bagaimanapun apabila telah bercerai keadaan ini tidak lagi berlaku dan isteri tidak lagi dapat menjalankan tanggung jawabnya melayan suami berbanding ketika masih suami isteri. Sehubungan dengan itu keperluan memastikan isteri sihat atau sebaliknya selepas perceraian berlaku bukanlah lagi menjadi tanggung jawab asas seorang bekas suami.

Isu Ketiga: Sama ada Defendan mampu untuk membayar jumlah tuntutan nafkah '*iddah*' Plaintiff?

- [32] Dalam kes ini Defendan pernah hadir semasa sebutan dan ada memfailkan pembelaannya. Walau bagaimanapun selepas daripada itu Defendan tidak lagi hadir dan mahkamah tidak dapat mendengar dan menilai kemampuan sebenar Defendan.

- [33] Dalam menentukan jumlah nafkah *'iddah* yang sewajarnya untuk Plaintiff, mahkamah perlulah mengasaskan penaksirannya berdasarkan kepada kemampuan dan keperluan pihak-pihak sepertimana ditetapkan di dalam seksyen 62 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003:

Pada menentukan jumlah sesuatu nafkah yang hendak dibayar, Mahkamah hendaklah mengasaskan pentaksirannya terutama sekali asas kemampuan dan keperluan pihak-pihak itu, dengan mengira kadar nafkah itu berbanding dengan pendapatan orang yang terhadapnya perintah itu dibuat.

- [34] Pengiraan kadar nafkah *'iddah* juga disebut dalam Kitab *Kifayah al-Akhyar*, juzuk 2, halaman 89 yang menyatakan:

Terjemahan: Memberi belanja (nafkah) kepada isteri yang taat (yang menyerahkan dirinya kepada suaminya) adalah wajib dan ia mengikut kadar nilai berikut; apabila si suami kaya diberikan sebanyak dua *mud* makanan yang biasa dimakan dan lauk pauk serta pakaian menurut kebiasaan. Kalau suami miskin, nafkah isteri ialah satu *mud* makanan dan lauk pauk yang biasa dimakan serta pakaian yang biasa mereka pakai. Jika suami dari golongan menengah kadar nafkah isteri ialah satu setengah *mud* makanan dan lauk pauk serta pakaian juga menurut kebiasaan golongan menengah.

(Al-Husaini, 1994, halaman 89)

- [35] Jika dilihat kepada nilai semasa 2 *mud* adalah bersamaan lebih kurang nilai 1.3kg beras atau lebih kurang RM3.38 mengikut nilai beras Super Tempatan ketika ini (satu kilogram beras Super Tempatan bersamaan RM2.60).
- [36] Manakala jika dilihat kepada taraf hidup Defendan pula, mahkamah berpendapat Defendan berada di bawah Pendapatan Garis Kemiskinan Nasional iaitu sebanyak RM2589.00 memandangkan pendapatannya hanyalah bergantung kepada pencen sebanyak RM1000.00 sebulan semata-mata.
- [37] Jika diambil kira pendapat ulama di atas, maka kadar nafkah yang wajib diberikan oleh Defendan kepada Plaintiff adalah sebanyak satu *mud* makanan dan lauk pauk yang biasa dimakan serta pakaian yang biasa dipakai oleh Plaintiff.
- [38] Kadar ini adalah bersesuaian dan munasabah jika dibandingkan dengan jumlah tuntutan Plaintiff dan tidaklah keterlaluan serta berada di luar kemampuan Defendan.

Keputusan

- [39] Setelah Mahkamah mendengar dan meneliti semua kertas kausa, keterangan dan lafaz sumpah *istizhar* Plaintiff, maka Mahkamah memerintahkan seperti berikut:
4. Mahkamah meluluskan tuntutan Plaintiff berdasarkan seksyen Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Sembilan 2003.
 5. Mahkamah memerintahkan defendan membayar nafkah *'iddah* kepada Plaintiff sebanyak RM450.00 sepanjang tempoh *'iddah* Plaintiff.
 6. Bayaran hendaklah dibuat sebelum atau pada 29.2.2024 dimasukkan ke dalam akaun bank Plaintiff.

Hakim

Alasan Penghakiman ini disediakan oleh **Tuan Hamizan bin Mohd Nor**, Hakim Syarie Mahkamah Rendah Syariah Seremban.

Tarikh

6 Februari 2024.

Peguam Syarie

Plaintif dan Defendan tidak diwakili oleh Peguam Syarie.